

07/04/1997

Atasi sengketa dunia Islam secara baik: PM (HL)

Haniff Hadi in Bandar Raya Kuwait

BANDAR RAYA KUWAIT, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara-negara Islam perlu menyelesaikan masalah mereka di meja rundingan untuk mengelak permusuhan yang berpanjangan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak mahu melihat permusuhan antara negara-negara Islam dan kerana itu keputusan pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu perlu dipatuhi.

"Kerana itulah kita membantah penaklukan Iraq terhadap Kuwait. Tetapi kita juga membela rakyat Iraq kerana mereka tidak boleh menjadi mangsa walaupun kita sokong Kuwait," katanya pada sidang akhbar selepas mengadakan rundingan dua hala dengan pegawai-pegawai kerajaan Kuwait di sini hari ini.

Dalam pertemuan itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed menandatangani perjanjian cukai berganda bagi pihak kerajaan Malaysia.

Dr Mahathir berkata, perbincangan itu tertumpu kepada masalah Kuwait dan kesan Perang Teluk.

"Saya menjelaskan pendirian Malaysia yang tidak setuju dengan sebarang usaha untuk menakluk negara lain. Kita tentang tindakan seperti itu dan tidak mahu lihat permusuhan di antara negara-negara Islam," katanya.

Malaysia sebenarnya mahu berbaik-baik dengan semua negara Islam, katanya.

Mengenai rayuan Albania untuk mendapatkan bantuan daripada negara-negara Islam bagi menangani krisis dalam negara itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mengkaji bentuk bantuan yang boleh diberikan.

"Kita sudah banyak bantu negara itu. Apa yang berlaku di Albania ialah masalah demokrasi yang jatuh ke tangan orang yang tidak faham maknanya," katanya.

Apabila tidak faham, katanya, demokrasi berubah menjadi anarki.

Sementara itu, Dr Mahathir menerima anugerah Mubarak al-Kabir di Istana bayan. Anugerah tertinggi Kuwait itu disampaikan oleh Amir Kuwait, Sheikh Jaber al-Ahmad Jaber al-Sabah.

Dr Mahathir adalah pemimpin Asia pertama menerima anugerah itu yang mengambil sempena nama pengasas Kuwait moden itu.

Mengenai kerjasama dalam sektor korporat, Dr Mahathir mahu usahawan Malaysia mengkaji pelbagai bidang kerjasama dengan Kuwait bagi meneroka pasaran negara kaya itu.

Perdana Menteri berkata, usahawan Malaysia kurang memberi tumpuan kepada Kuwait walaupun banyak barangan Malaysia boleh dipasarkan di negara itu.

"Kuwait mempunyai pasaran yang kaya. Mereka banyak bergantung kepada barangan import sebab mereka tidak ada industri yang mengeluarkan barangan.

"Saya yakin kita ada peluang. Kalau Kuwait berdagang dengan negara lain, kenapa tidak dengan Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, hubungan dua hala kedua-dua negara adalah baik tetapi ia boleh dipertingkatkan termasuk dengan mengadakan kemudahan penerbangan dan pelayaran.

"Dalam perbincangan hari ini, kami mengkaji hubungan udara dan beberapa kemungkinan kerjasama seperti perkongsian koc, hak pendaratan dan perjanjian perkhidmatan udara," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, hubungan maklumat juga boleh ditingkatkan dengan menjalin kerjasama di antara media atau agensi berita kedua-dua negara.

Katanya, oleh sebab Malaysia dan Kuwait mendapat laporan berita daripada

agensi asing, ada baiknya hubungan terus agensi berita kedua negara diwujudkan.

"Dengan cara itu kita boleh dapat maklumat secara langsung. Kuwait menyambut baik usaha itu," katanya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai soal penswastan dalam pertemuannya dengan pegawai-pegawai Kuwait.

Katanya, Kuwait berminat untuk mempelajari sistem dan pendekatan pengswastan yang diamalkan di Malaysia.

"Mereka ingin tahu pelaksanaan pengswastan Malaysia yang mereka tahu amat berjaya. Saya menjemput mereka berbincang dengan pegawai ICU dan EPU untuk tujuan itu," katanya.

(END)